



## Pendidikan *Netiquette* dan Proses Pertimbangan Moral Murid

Muhammad Khairulrijal Mohamad Saad<sup>1</sup>, Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid<sup>2</sup>, Noor Afiah Md Ariff<sup>3</sup> & Nurliyana Mohamad Saad<sup>4</sup>

<sup>1,2,3</sup>Universiti Sains Malaysia <sup>4</sup>SMK Tun Syed Sheh Barakbah

### Article Info

**Received:**

15 June 2020

**Accepted:**

30 August 2020

**Publish**

01 September 2020

**E-mail address:**

\*corresponding Author:  
muhammadkhairulrijal@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

*Netiquette merupakan etika ataupun nilai yang perlu ada dalam diri seorang pelajar apabila mereka berinteraksi dengan media sosial supaya interaksi yang berlaku adalah matang dan selamat. Bagaimanapun, memandangkan garis panduan etika sedia ada adalah bersifat tidak formal, maka tiada pendedahan secara khusus diberikan kepada pelajar walaupun interaksi dengan media sosial merupakan interaksi yang sinonim dengan kehidupan masa kini. Pelajar seharusnya mempunyai kesedaran tentang etika dalam apa jua situasi ataupun isu terutamanya berkaitan interaksi dengan media sosial agar pengetahuan, amalan dan sikap lebih terarah menjadi insan yang bermoral. Kajian ini mengupas keperluan untuk kesedaran netiquette didedahkan kepada pelajar khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Moral. Kupasan dalam artikel ini juga menunjukkan pentingnya Pendidikan Moral sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah untuk menjalani satu penambahbaikan dalam silibus dengan menekankan elemen etika yang sebenar supaya pelajar dapat membuat pertimbangan moral yang tepat dan berasaskan pengetahuan yang relevan apabila berinteraksi dengan media sosial. Perkara ini dapat memberi satu kefahaman sebenar kepada pelajar supaya dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam apa jua interaksi dengan media sosial. Selain itu dengan membuat pertimbangan moral yang tepat berasaskan netiquette yang benar, dapat membantu pelajar menjadi pengguna media sosial yang lebih matang. Justeru itu, dengan memahami kesedaran netiquette dapat memberikan satu pertimbangan moral yang sewajarnya apabila pelajar berinteraksi dengan media sosial dan memahami etika sewajarnya yang perlu diketahui.*

**Keyword:** netiquette, etika, pertimbangan moral, pendidikan moral, media sosial.

## Pengenalan

Pembangunan dalam sesebuah negara berkait rapat dengan perkembangan sains, teknologi dan modal insan yang dikecapi. Kerajaan memberi perhatian khusus terhadap kedua-dua aspek ini untuk mewujudkan konsep pembangunan lestari dan seimbang (Shahrulanuar & Fakhrul, 2011) di dalam negara. Implikasi penggunaan teknologi telah mewujudkan jurang generasi (*Generation Gap*) yang telah mewujudkan konflik dan komunikasi yang mencabar kerana implikasi dari penggunaan media sosial (Che Su & Nan Zakiah, 2014) dalam kalangan pengguna. Pada masa yang sama, faktor kurangnya kesedaran dan kefahaman tentang masalah ancaman siber mampu memberikan kesan kerugian yang sangat besar terhadap seseorang (Muhammad Adnan, 2017). Pendidikan di Malaysia perlulah mengintegrasikan kepentingan etika (Mohd Azul et al., 2017) sewaktu dalam talian terutamanya apabila berinteraksi dengan media sosial. Ramai pelajar menghabiskan masa selama sembilan hingga 14 jam sehari untuk melayari internet serta kurang mempunyai pengawalan diri dari pelbagai aspek sehingga menimbulkan rasa ketagihan dalam diri mereka (Che Su & Nan Zakiah, 2014).

Menurut laporan Digital 2018 oleh Hootsuite & We Are Social, jumlah pengguna internet di Malaysia adalah 25.08 juta yang mana mewakili 75% penduduk di negara ini dan pengguna memperuntukkan purata tiga jam sehari untuk menggunakan perkhidmatan media sosial. Selain itu, pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 juga dikuatkuasakan secara tegas untuk menghalang penyalahgunaan teknologi termasuk media sosial (Mohd Hamdan, 2015). Menurut undang-undang Malaysia, cetakan semula Akta 588 iaitu Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006 terdapat beberapa peruntukan utama berkaitan media sosial iaitu Seksyen 211: larangan terhadap pemberian kandungan jelik dan Seksyen 233: penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain, Seksyen 240: kesalahan mengagihkan atau mengiklankan apa-apa kelengkapan atau peranti komunikasi bagi pemintasan komunikasi dan Seksyen 241: Kesalahan kerana memberikan pernyataan palsu dan mengelirukan. Di samping itu kerajaan Malaysia juga memandang serius ancaman terhadap siber dan terdapat tiga undang-undang yang diperkenalkan pada tahun 1996 berkaitan siber iaitu Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997 dan Akta Teleperubatan 1997 (Norhayati & Suriati, 2015). Akta-akta yang dikuatkuasakan di Malaysia ini mampu membendung aktiviti-aktiviti berkaitan dengan jenayah media (Mohd Dahlan & Ida Shafinaz, 2010).

Justeru itu akibat dari masalah melayari internet semakin berleluasa, perubahan dalam kurikulum pendidikan tentang pengajaran *netiquette* haruslah dilaksanakan (Martina, 2014). Ini kerana kurangnya kefahaman dan pelaksanaan pelajar tentang *netiquette* dalam diri mereka semasa melayari internet tersebut (Arouri & Hamaidi, 2017). Dalam hal ini, apabila pelajar berinteraksi dengan individu lain terdapat beberapa peraturan yang tidak akan dinyatakan ataupun membimbing mereka dalam berkelakuan dan berkomunikasi yang disebut sebagai *netiquette* (Brown, 2014). Pelajar perlu belajar apa yang perlu dan tidak patut dilakukan semasa berinteraksi dalam media sosial dan memerlukan *netiquette* tertentu untuk mengelakkan kenyataan diskriminatif, memfitnah, menghina dan menghantar sesuatu yang tidak sah berdasarkan sumber yang benar (Florence et.al, 2018). Perkara ini telah menyebabkan pelajar semakin leka apabila komunikasi penting ini menjadi aspek kehidupan dalam era globalisasi kini.

Mempelajari komunikasi adalah sesuatu yang sangat penting di dalam abad ke-21, kerana pengetahuan dilahirkan dalam bentuk interaksi antara komuniti. Ini kerana teknologi digital telah mengubah cara bagaimana setiap individu berkomunikasi dan membentuk satu arena interaksi baharu. Dalam membentuk interaksi yang selamat dan berkesan (Biesenbach, 2007) individu haruslah mempunyai kemahiran interaksi yang baik. Oleh itu pengguna haruslah

mendalami, mendalami dan mengamalkan kaedah-kaedah *netiquette* apabila interaksi dengan teknologi digital seperti media sosial. Hal ini demikian kerana, apabila melayari internet, amalan *netiquette* memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap interaksi dengan media sosial. Di samping itu, tahap kesedaran yang terhad terhadap *netiquette* (Arouri & Hamaidi, 2017) dan amalannya. Oleh itu, tumpuan yang penting dalam memberikan didikan terhadap pembelajaran abad ke-21 dalam mengetahui peraturan *netiquette* di dalam subjek Pendidikan Moral terhadap pelajar.

### **Pendidikan Moral dan *Netiquette***

Dalam melengkapkan diri pelajar dengan *netiquette* aspek etika dan moral telah diberi perhatian melalui mata pelajaran Pendidikan Moral dan diwajibkan kepada semua pelajar yang bukan beragama Islam. Hal ini demikian kerana Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah pada masa kini (KPM, 2016). Ini termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1996, iaitu mempertingkatkan nilai moral merupakan elemen penting dalam membantu perkembangan seorang murid. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu transformasi menyeluruh sistem pendidikan kebangsaan dan merangkumi mata pelajaran Pendidikan Moral. Justeru, domain Pendidikan Moral ini juga mampu membentuk murid yang konsisten semasa membuat pertimbangan moral (KPM, 2016). Pertimbangan moral merupakan aspek penting dalam pembentukan moral kerana, membolehkan murid membuat sesuatu tindakan berpandukan peraturan dan nilai universal yang difahami.

KSSM dilaksanakan adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran Abad ke-21 dengan berfokus terhadap kemahiran berfikir, kemahiran dalam kehidupan dan juga kerjaya dalam berteraskan nilai murni. Hal ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Romlah Ramli (2016), nilai murni yang diamalkan dalam diri akan meletakkan diri seseorang sebagai yang terhebat. KSSM juga membentuk profil murid menjadi seorang pemikir dengan murid boleh berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif selain mampu menangani setiap masalah yang berlaku dengan kompleks dengan keputusan yang beretika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Menurut Mas Suraya, Siti Hasmah & Bavithra (2014), kepercayaan moral adalah dari pemikiran dan tingkah laku bermoral yang dipelajari oleh seseorang kerana kepercayaan yang diterima oleh masyarakat.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada tahun 2017 yang akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan sejak tahun 1989 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Ini seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam memastikan kualiti kurikulum dilaksanakan di setiap sekolah menengah mencapai standard antarabangsa. KSSM hanya mempunyai Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) yang merupakan dokumen penting dan wajib dirujuk oleh guru untuk membuat perancangan, pentaksiran dalam setiap Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Justeru itu, DSKP yang dibina adalah untuk menyediakan murid boleh berfikir aras tinggi dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Ini kerana menjelang abad ke-21, pelbagai cabaran yang akan dihadapi oleh murid akibat daripada persekitaran yang semakin mendesak menyebabkan tekanan, kemurungan dan kebimbangan berkaitan isu personaliti (Ahmad Hazuad, 2014) namun di dalam DSKP hanya sebahagian kecil kurikulum menyentuh tentang etika di dalam teknologi ataupun *netiquette* terhadap pelajar.

Menurut KSSM, matlamat kurikulum Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang teguh kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Ini kerana, KSSM dibina berdasarkan enam tunjang iaitu, komunikasi, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. Pelaksanaan KSSM ini tidak lari dengan tiga domain utama di dalam moral iaitu, penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Ini seiring dengan Faridah & Fakhrul (2011) Pendidikan Moral yang digubal bermatlamat membentuk individu mempunyai nilai-nilai murni dan merupakan satu program untuk mendidik pelajar agar menjadi insan yang bermoral dengan menekankan aspek domain moral iaitu perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Oleh itu seharusnya penekanan terhadap isu *netiquette* haruslah diberi perhatian untuk membentuk

Setakat ini, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula tahun 2017 ada mengemukakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi tingkatan dua dalam bidang keempat iaitu, peraturan dan undang-undang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Dalam standard kandungan 4.2, Etika dan Undang-undang Siber, tidak dinyatakan corak pemikiran (*thinking pattern*) di dalam standard pembelajaran tersebut.

Jadual1 : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, Pendidikan Moral Tingkatan Dua.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi Tahap Penguasaan	Tafsiran	Catatan
4.2 Etika dan Undang-undang Siber	Murid boleh:	1	Menyatakan etika berkomunikasi dalam siber.	Cadangan nilai <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab</li> <li>Harga diri</li> <li>Patriotisme</li> <li>Hemah tinggi</li> <li>Kesederhanaan</li> </ul>
	4.2.1 Menyenaikan etika semasa berkomunikasi dalam siber.	2	Menerangkan etika dan undang-undang siber.	Cadangan isu atau situasi <ul style="list-style-type: none"> <li>Penyalahgunaan internet</li> <li>Jenayah siber seperti hasutan, fitnah atau plagiat</li> <li>Ketagihan gajet</li> <li>Penggodaman</li> </ul>
	4.2.2 Menjelaskan etika dan undang-undang siber.	3	Menilai kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber.	
	4.2.3 Memerihalkan kepentingan mematuhi etika dan undang-undang siber.	4	Menghubungkait penggunaan internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber dengan kesannya.	Cadangan aktiviti <ul style="list-style-type: none"> <li>Melayari laman web Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mencari maklumat tentang undang-undang siber.</li> <li>Menghasilkan kad interaktif</li> </ul>
	4.2.4 Mengkaji kesan penggunaan internet secara tidak beretika dan menyalahi undang-undang siber.	5	Menghayati dan mempamerkan perasaan apabila mematuhi etika dan undang-	

4.2.5 Melahirkan perasaan apabila mematuhi etika dan undang-undang siber.	6	undang siber dalam kehidupan seharian.  Menghayati dan mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam siber secara tekal atau boleh dicontohi.	mengikut peraturan SKMM. • Menyertai pertandingan, projek membina laman web atau blog sendiri dengan mematuhi
4.2.6 Mengamalkan tingkah laku berhemah semasa berkomunikasi dalam siber.			

(Sumber: DSKP Pendidikan Moral Tingkatan 2, 2016)

Sehubungan dengan itu, mata pelajaran Pendidikan Moral seharusnya mewujudkan sifat kesedaran kepada pelajar dalam memastikan mereka mampu membuat pertimbangan moral dalam apa juga situasi yang berlaku. Ini kerana domain moral KSSM iaitu penaakulan moral, perlakuan moral dan emosi moral akan mendorong pelajar dalam kesedaran membuat pertimbangan moral yang sesuai, tepat dan konsisten. Malahan itu, pertimbangan moral adalah aspek penting dalam pembentukan moral kerana membentuk pelajar untuk membuat sesuatu tindakan berpandukan kepada peraturan dan juga nilai universal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

### **Kesedaran *Netiquette***

*Netiquette* merujuk kepada etika ataupun nilai yang diterapkan dalam diri seseorang apabila berkomunikasi dalam dunia siber (Rulli, 2014). Istilah *netiquette* adalah merupakan gabungan dua perkataan antara "*neteowrk*" rangkaian dan "*etiquette*" etiket. Hal ini juga menunjukkan istilah tersebut merupakan faktor internet dan etika (Aggarwal, 2014) dan di dalam etika pembelajaran, etika membawa penjelasan peraturan yang menunjukkan cara perlakuan yang betul dan sopan (Merriam, 2016). Manakala internet boleh ditakrifkan sebagai sistem yang telah menghubungkan teknologi (Merriam, 2016) di seluruh dunia. Oleh itu *netiquette* boleh dianggap sebagai etiket elektronik (Brusco, 2011) ataupun etika komunikasi digital (Aggarwal, 2014) di mana penggunaan etika yang bersesuaian ketika berkomunikasi melalui ruang maya (Yarmohammadian, 2012) dengan menggunakan peranti (Brusco, 2011) ketika berinteraksi dengan media sosial. Justeru itu *netiquette* merupakan etika ataupun peraturan yang harus dipatuhi (Scheurmann & Taylor, 1997; Aranda 2007) apabila interaksi dengan media sosial yang harus diamalkan oleh pengguna.

Pada era globalisasi kini, kesedaran *netiquette* amat penting dalam kalangan pelajar kerana pengguna internet semakin meningkat (Arouri & Hamaidi, 2017) di seluruh dunia. Masalah yang dihadapi ketika berinteraksi menggunakan internet adalah berjuta-juta pengguna internet masih tidak bersedia untuk mengalami dinamik kompleks sehingga boleh mewujudkan interaksi negatif (Deepa & Ghatak, 2013) kerana kurangnya kesedaran dalam etika. Menyedari kurangnya pelaksanaan *netiquette* dalam kalangan pelajar (Arouri & Hamaidi, 2017), perlu ada usaha yang mapan agar individu memahami peraturan di dalam talian (West, 2010). Penekanan kesedaran *netiquette* bukan sahaja di bangku sekolah malahan di peringkat yang lebih tinggi seperti di Universiti (Kozik & Silvova, 2014) agar pelaksanaan lebih menyeluruh terhadap pelapis negara ini.



Ini kerana pada zaman sekarang kehidupan masyarakat ditandai dengan kepesatan ICT (*Information and Communication Technology*) ataupun dikenali dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi kerana pengaruh internet dalam kehidupan pada masa kini tidak dapat dipisahkan sebagai salah satu media baharu yang memudahkan dalam pelbagai urusan seharian manusia (Amini, 2012; Arouri & Hamaidi, 2017). Perkara ini seiring dengan Mohd Azul et.al (2015) menyatakan bahawa pembangunan aplikasi dalam talian telah membawa satu perubahan besar terhadap kehidupan harian masyarakat dalam kepelbagaian aspek seperti penyebaran maklumat. Sebagai contoh pembangunan teknologi Web 2.0 menyediakan platform pengaturcaraan untuk pelbagai aplikasi media sosial dan memberi kelebihan kepada pengguna untuk berkomunikasi dengan pengguna lain di dalam alam maya (Mohd Azul & Nurul Madiha, 2017).

Pada masa yang sama, faktor kurangnya kesedaran dan kefahaman tentang masalah ancaman siber mampu memberikan kesan kerugian yang sangat besar terhadap seseorang (Muhammad Adnan, 2017). Menurut Mohd Azul et. al (2017) menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia perlulah mengintegrasikan kepentingan etika sewaktu dalam talian. Ramai pelajar menghabiskan masa selama sembilan hingga 14 jam sehari untuk melayari internet serta kurang mempunyai pengawalan diri dari pelbagai aspek sehingga menimbulkan rasa ketagihan dalam diri mereka (Che Su & Nan Zakiah, 2014). Oleh kerana masalah melayari internet semakin berleluasa, perubahan dalam kurikulum pendidikan tentang pengajaran *netiquette* haruslah dilaksanakan (Martina, 2014). Ini kerana kurangnya kefahaman dan pelaksanaan pelajar tentang *netiquette* dalam diri mereka semasa melayari internet tersebut (Arouri & Hamaidi, 2017).

Dalam hal ini, apabila pelajar berinteraksi dengan individu lain terdapat beberapa peraturan yang tidak akan dinyatakan ataupun membimbing mereka dalam berkelakuan dan berkomunikasi yang disebut sebagai *netiquette* (Brown, 2014). Pelajar perlu belajar apa yang perlu dan tidak patut dilakukan semasa berinteraksi dalam media sosial dan memerlukan *netiquette* tertentu untuk mengelakkan kenyataan diskriminatif, memfitnah, menghina dan menghantar sesuatu yang tidak sah berasaskan sumber yang benar (Florence et.al, 2018). Signifikannya, kesedaran *netiquette* pada diri pelajar agar dapat memaparkan corak pemikiran cara mereka berinteraksi dengan media sosial yang sepatutnya dan pembentukan pelajar yang berpengetahuan, mempunyai amalan yang baik dan sikap yang terpuji.

### **Pengaruh Media Sosial Terhadap Tahap Kesedaran Pelajar**

Banyak kajian (Mohd Azul et.al, 2015) yang telah dijalankan menunjukkan media sosial berpengaruh terhadap tingkah laku dan keselamatan remaja pada masa kini. Remaja sangat tertarik dengan media sosial kerana dapat menimbulkan rasa keseronokan ketika melayarinya kerana akses maklumat yang terlalu mudah (Norhayati & Suriati, 2015), sehingga mereka tidak mampu membuat pertimbangan yang sewajarnya. Polemik ini telah membentuk jenayah baharu yang berpaksikan terhadap komputer (Yar, 2012) di dalam media sosial. Jenayah media sosial juga berlaku di negara-negara maju seperti di Korea, China, Jepun dan Amerika Syarikat kerana pengguna yang mudah terperangkap dengan jenayah media sosial ini oleh sebab kurang kesedaran dan tidak mampu membuat pertimbangan (Norhayati & Suriati, 2015) dalam menilai perkara yang positif dan negatif ketika melayari media sosial.

Pengguna media sosial kebanyakan terdiri dari remaja sekolah sehingga ketagihan ketika berinteraksi dengan media (Mohammad Aziz et.al, 2013) sosial kerana tidak mampu membuat pertimbangan dan corak pemikiran yang kurang matang remaja dalam diri mereka. Masalah ketagihan ini remaja menggunakan media sosial kerana kemudahan mengakses internet tanpa wayar seperti di tempat-tempat awam (Johari & Raja Shahrina, 2012) memudahkan remaja yang

menggunakan telefon bimbit dapat menggunakan kemudahan ini. Media sosial seperti facebook menjadi kegilaan remaja sehingga ketagihan melampau ini menyebabkan mereka menghabiskan masa empat jam sehari (Norakmah, 2010) dan 16 jam seminggu (Johari & Raja Shahrina, 2012) semata-mata melayari internet. Hal ini juga demikian kerana penggunaan media sosial dapat menyalurkan hiburan melalui medium chat, memuat lagu, bermain game (Mohammad Aziz et.al, 2013) dan sebagainya. Masalah ketagihan ini juga disebabkan kurangnya disiplin dan kawalan yang ketat oleh keluarga (Rozinah, 2007) dan menyebabkan kesihatan mental kerana kemurungan kerana ketagihan berlebihan. Ianya menunjukkan bahawa remaja masih kurang matang dalam interaksi dengan media sosial sehinggakan mereka mudah ketagihan dan menyebabkan pengaruh negatif lebih dominan mempengaruhi diri berbanding perkara positif.

Kurangnya kesedaran terhadap pengetahuan, amalan dan sikap ketika berinteraksi dengan media sosial menyebabkan remaja sukar membuat pertimbangan sewajarnya kerana corak pemikiran yang kurang matang. Masalah hedonism menyebabkan remaja meletakkan hiburan dalam kehidupan sehingga mereka terjerat dengan tingkah laku maladaptif dengan beranggapan bermain gaming dapat mengatasi masalah kemurungan yang dihadapi (Kuss et.al, 2013) tetapi kurangnya kesedaran dan pemikiran terhadap *netiquette* menyebabkan pertimbangan yang dilakukan memudaratkan diri mereka sendiri. Masalah kematangan ini juga berpunca daripada golongan individu yang mencari stigma kerana takut dengan perasaan prejudis masyarakat terhadap diri (McKenna et.al, 1999) menyebabkan seseorang akan mencari rakan sosial yang mempunyai stigma yang sama agar dirinya tidak dipinggirkan. Hal ini menyebabkan peningkatan penggunaan internet dan media sosial.

Pengetahuan yang merupakan asas untuk melakukan sesuatu perkara atau mengendalikan sesuatu bahan (Mohd Khairuddin & Mohamad Fauzi, 2014; Siti Ezaleila, 2013; Nor Azah & Che Zarrina, 2011) apabila berinteraksi dengan media sosial. Penggunaan tanpa berasaskan pengetahuan dalam kalangan pelajar akan membawa kepada kerosakan dan kerugian yang memerlukan kos yang tinggi untuk diperbaiki. Kemusnahan pada sudut moral adalah lebih membimbangkan kerana melibatkan kelestarian sosial masyarakat dan generasi akan datang (Romlah Ramli, 2016). Kurang pendedahan yang sewajarnya dalam mengendalikan media sosial telah memberi impak terhadap kadar jenayah yang semakin meningkat (Yar, 2012) dalam kalangan pelajar pada masa kini. Manakala, Norhayati & Suriati (2015) menyatakan bahawa pelajar pada masa kini kurang mendapat pengetahuan sewajarnya dalam mengendalikan media sosial sehingga sebaran dan juga minat pelajar terhadap perkara-perkara negatif boleh berlaku seperti kes buli dan fitnah apabila tujuan komen yang diberi dijadikan tujuan jenayah tersebut.

Sehubungan dengan itu, isu ini dapat dibuktikan dengan beberapa kes seperti penangkapan seorang pelajar yang berusia 18 tahun di bawah Akta Hak cipta 1987 kerana telah memuat naik dan memuat turun muzik tempatan dan filem antarabangsa tanpa kebenaran pemilik asal (Mohd Roslan, 2014). Selain itu, masalah kurangnya pengetahuan dalam mengendalikan media sosial juga menyebabkan statistik penipuan cinta siber yang dikenali *African Scam* yang dilaporkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia PDRM iaitu, 814 kes pada tahun 2012 meningkat kepada 1095 kes pada tahun 2013 (Muhammad Adnan et.al, 2017). Laporan Cyber Security Malaysia (CSM) kadar jenayah siber di negara ini purata 10, 000 kes dilaporkan setiap tahun. Menurut CSM, buli siber dalam kalangan pelajar berlaku setiap hari dengan peningkatan statistik laporan yang dilakukan pada tahun 2014 sebanyak 291 kes, manakala, pada tahun 2015 sebanyak 256 kes dan 338 kes pada tahun 2016.

Jika perkara ini terus berlaku akan memberi kesan terhadap pelajar yang sering terdedah dengan kecelaruan persepsi kerana mereka masih belum bersedia untuk menilai semasa mengendalikan media sosial (Norhayati & Suriati, 2015). Penyelidikan dalam konteks keperluan *netiquette*,

pelbagai kajian yang dijalankan tidak dapat dikesan (Arouri & Hamaidi, 2017) aspek utama kesedaran *netiquette* perlu merangkumi tiga perkara iaitu, pengetahuan, amalan dan sikap. Aspek kesedaran *netiquette* haruslah diberi perhatian kerana tumpuan pelajar abad ke-21 haruslah mengenali peraturan *netiquette* (Farshad & Marandi, 2014). Di dalam kajian penerokaan peraturan *netiquette*, masih ramai pengguna tidak menyedari kepentingan dan keperluan *netiquette* (Farshad & Marandi, 2014) manakala seorang pendidikan haruslah memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar memahami peraturan di dalam talian (Aranda 2007) supaya tidak menimbulkan masalah semasa interaksi. Oleh itu wajarlah kesedaran *netiquette* diberikan perhatian khusus terhadap pelajar agar dapat membuat pertimbangan moral yang matang semasa interaksi dengan media sosial.

### **Kesedaran Pengetahuan**

Kesedaran pengetahuan dapat dinilai sejauh manakah individu mengetahui sesuatu konsep, pengetahuan fakta dan sesuatu sistem (James Muleme, 2017). Hal ini kerana kurangnya sifat kesedaran dalam diri remaja menyebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan (Mohd Azul, Ali & Nurul, 2015; Happer & Philo, 2013; Azlina, 2010) yang baik dalam aspek etika dan moral apabila berinteraksi dengan media sosial. Lambakan media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Twitter* (Samad, 2014) dan lain-lain mampu menyampaikan kepelbagaian maklumat kepada pengguna (Mohamad Hafifi. et.al, 2017) internet tetapi pengetahuan tentang etika dan moral harus ada untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila berinteraksi dengan media sosial tersebut. Komponen pengetahuan merupakan aspek penting dalam membentuk tingkah laku seseorang (Mohd Hilmi & Kamaliah, 2013) dan tanpa pengetahuan individu tidak dapat bertindak mengikut maklumat yang sepatutnya dalam sesuatu masalah seperti ketika berinteraksi dengan media sosial.

### **Kesedaran Sikap**

Kesedaran sikap merupakan perasaan dan kecenderungan individu menonjolkan karakter baik ataupun buruk (James Muleme, 2017) berhubung dengan sesuatu perkara. Hal ini sedemikian kerana kesedaran sikap juga semakin menipis apabila remaja tidak mempunyai etika dan moral yang sepatutnya apabila berinteraksi dengan media sosial. Hal ini kerana media merupakan alat terpenting dalam membentuk sikap (Hazlin, Wan Amizah & Maizatul, 2016) masyarakat tentang maklumat yang disampaikan. Sikap juga dibentuk melalui pengetahuan (Kollmuss & Agyeman, 2002) dan sikap juga dibentuk apabila melihat sesuatu dengan penuh perhatian (Mahadevan, 2009) dalam mencari maklumat. Jelaslah betapa pentingnya kesedaran sikap dalam membentuk etika dan moral terhadap diri remaja apabila berinteraksi dengan media sosial.

### **Kesedaran Amalan**

Kesedaran amalan merupakan tindakan yang berkaitan sesuatu perkara yang dicirikan betul atau tidak wajar (James Muleme, 2017) terhadap sesuatu amalan. Perkara ini kerana kesedaran amalan beretika dan bermoral juga menjadi masalah ketika remaja berinteraksi dengan media sosial. Sebagai contoh perjudian internet menggunakan media sosial menunjukkan kurangnya kesedaran amalan (Amini, 2012) dalam etika dan moral menggunakan media sosial sedangkan amalan tersebut memang bertentangan dengan ajaran agama. Hal ini demikian kerana, kesedaran amalan adalah satu hubungan di antara perkembangan dan pertambahan pengetahuan (Badran, 1995) kerana amalan merupakan satu proses kesedaran seseorang semasa mendalami ilmu pengetahuan sepenuhnya sehinggakan boleh membentuk sikap (Kaliyaperumal, 2004) seseorang tersebut.



## Kepentingan Tahap Kesedaran *Netiquette* Dalam Membuat Pertimbangan Moral

Tahap kesedaran *netiquette* murid akan menentukan proses pertimbangan moral apabila mereka berinteraksi dengan media sosial. Berdasarkan teori dua aspek pertimbangan moral yang telah dicadangkan oleh Lind (2003) telah menentukan pengukuran perkembangan moral adalah berdasarkan faktor kognitif individu. Tahap kesedaran *netiquette* berlandaskan tiga aspek penting iaitu pengetahuan, sikap dan amalan dapat menentukan corak pertimbangan yang sepatutnya. Pengetahuan merupakan aspek kognitif penting dalam mencorakkan sikap dan amalan individu (James Muleme, 2017). Oleh itu, dua faktor penting dalam pelaksanaan pertimbangan moral dapat diterjemahkan berdasarkan moral idea dan prinsip moral dalam perlakuan moral individu apabila berhubung dengan aspek kognitif (Lind, 2000). Perkara ini menjelaskan kedua-dua faktor penting dalam proses pertimbangan moral dan tahap kesedaran *netiquette* individu adalah ditentukan oleh kemahiran kognitif dan tingkah laku individu. Kebergantungan kesedaran *netiquette* dan proses pertimbangan moral juga menunjukkan salah satu langkah proaktif untuk mengatasi masalah progresif dalam pendidikan moral (Lind, 2013). Tambahan pula, menurut Lind (2013), tingkah laku moral dalam membuat pertimbangan moral ditentukan oleh aspek afektif dan kognitif iaitu dari segi orientasi moral yang ditonjolkan oleh tingkah laku dan kebolehan membuat pertimbangan kompetensi moral. Seiring dengan pendapat Jr & Willis (2013) menjelaskan bahawa, aspek afektif dan aspek kognitif individu akan memberi implikasi terhadap perlakuan dalam apa jua situasi yang dihadapi. Model dua aspek oleh Lind terdapat pada rajah di bawah:



Rajah: Model Dua Aspek oleh Lind. G (2013)

Oleh yang demikian, dalam menekankan faktor pemikiran dan tingkah laku moral, model dua aspek kompetensi pertimbangan moral ini dapat mengatasi kekangan dan ketidakkonsistenan dua prosedur iaitu behaviorisme dan motivatisme. Perkaitan model ini dengan tahap kesedaran *netiquette* dapat di perinci dengan penjelasan bahawa aspek pengetahuan yang diterima kepada murid-murid mempunyai hubungan linear terhadap sikap di mana motivasi yang terbentuk akibat penerimaan maklumat pada peringkat awal (James Muleme, 2017). Menurut Skinner (1971), behaviorisme dapat ditakrifkan sebagai sesuatu tindakan yang mematuhi norma dan peraturan yang telah dinyatakan dalam setiap budaya. Manakala Lind (2013) menjelaskan bahawa moraliti terhadap tingkah laku dapat ditentukan dengan memerhatikan reaksi individu yang mencuba untuk melanggar norma sosial dalam apa jua situasi dan senario yang dihadapi. Namun pendekatan behaviorisme tidak memberi penekanan terhadap pematuhan norma tingkah laku sehinggakan tidak dapat menghasilkan sifat moral yang diperlukan kerana setiap tingkah laku individu tidak dapat dikaji tanpa merujuk kepada motif tingkah laku tersebut (Lind, 2013). Selain itu, pada prosedur motivatisme, menjelaskan bahawa aksi moral merupakan elemen penting berserta tujuan dan kesan moral tersebut. Hal ini kerana, moraliti hanyalah dilihat terhadap domain afektif iaitu kelakuan manusia dan tidak kepada domain kognitif.

Oleh itu pendekatan model ini telah memberi penekanan terhadap pertimbangan moral yang berprinsip berlandaskan tahap kesedaran *netiquette* untuk membuat sebarang keputusan. Hal ini kerana aspek afektif iaitu emosi begitu penting dalam perlakuan moral individu kerana menjadi panduan arah tersebut. Manakala aspek kognitif begitu penting dalam membuat penerangan terhadap organisasi struktur perlakuan moral individu. Perkara ini juga dapat menunjukkan bahawa tahap pertimbangan moral aspek afektif seperti jujur hanya mempunyai hubungan dan perbezaan yang kecil terhadap perlakuan bermoral. Namun menurut Kohlberg (1984) setiap pertimbangan moral menunjukkan hubungan yang malar dan konsisten terhadap perlakuan bermoral. Justeru, dalam membuat proses pertimbangan moral, kedua-dua aspek penting di dalam teori dua aspek iaitu kognitif dan afektif akan sentiasa berhubung kait. Hal ini kerana, kedua-dua aspek ini akan berhubung untuk menentukan tingkah laku dan kemampuan kognitif individu dalam membuat pertimbangan moral.

Sehubungan dengan itu, di dalam kajian ini telah ditetapkan bahawa pertimbangan moral mewakili aspek kognitif dan afektif dalam diri individu yang dikaji. Hal ini kerana pembangunan pertimbangan moral dapat dilihat terhadap peningkatan dari aspek kognitif individu. Manakala kesedaran merupakan komponen penting dalam diri individu untuk membuat sebarang pertimbangan dalam apa jua situasi. Bahkan Rao (2015) dan Mohd Zailani (2012) menyokong bahawa kepentingan aspek kesedaran seperti pengetahuan, sikap dan amalan begitu penting terhadap domain moral dalam membuat pertimbangan moral. Perkara ini menunjukkan bahawa aspek kesedaran iaitu pengetahuan, sikap dan amalan begitu penting terhadap aspek membuat pertimbangan moral individu dalam apa jua situasi. Justeru, hubungan antara kesedaran dan pertimbangan moral menjadi aspek penting dalam menentukan tingkah laku beretika individu dalam kehidupan kini. Oleh itu, pengkaji merasakan pemilihan teori dua aspek ini dapat mewakili idea kajian dan bertepatan dengan keperluan kajian yang akan dijalankan.

## Rumusan

Isu keperluan pendidikan tentang kesedaran *netiquette* di kalangan pelajar dalam interaksi dengan media sosial merupakan aspek yang perlu diberikan perhatian pada masa kini. Semua pihak harus menyedari wujudnya kesedaran pengetahuan, amalan dan sikap terhadap *netiquette* menjadi benteng kuat dalam diri pelajar apabila berinteraksi dengan media sosial yang banyak membawa implikasi negatif jika tidak mempunyai etika penggunaannya. Dalam mengurangkan kadar jenayah penggunaan media sosial yang semakin membimbangkan masyarakat pada masa kini harus ada satu pendekatan yang sesuai terhadap corak pemikiran pelajar. Perlaksanaan penyelidikan ini dapat memberi satu panduan set kesedaran *netiquette* pelajar untuk mengetahui di manakah tahap kesedaran pelajar terhadap etika teknologi yang tidak didik secara formal terhadap pelajar. Jelaslah, kertas kerja ini dapat mendedahkan secara dasar keperluan kesedaran *netiquette* pelajar dalam interaksi dengan media sosial sebagai satu langkah awal untuk penyediaan profil kesedaran *netiquette* pelajar kepada kurikulum Pendidikan Moral secara khususnya. Di samping itu langkah awal sebagai pembentukan corak pemikiran remaja pada masa kini bertapa pentingnya pengetahuan etika sewajarnya dalam melakukan satu pertimbangannya betul atau salah pilihan yang di buat semasa interaksi dengan media sosial.

## Rujukan

- Aggarwal, A. K. (2014). Netiquette in e-learning. *Proceeding for the Northeast Region Decision Sciences Institute (NEDSI)*, 181-182
- Ahmad Hazuad & Dini Rahiah. (September, 2014). Kajian Mengenai Hubungan Antara Kemurungan, Kembimbangan dan Tekanan dengan Tret Personaliti di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. *International Counseling Conference and Work*. Medan, Indonesia
- Amini Amir, A. (2012). Etika digital dan berinternet menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam* 25, 55-82
- Annika Launiala. (2009). *How much can a KAP survey tell us about people's knowledge, attitudes and practices?* Some observations from medical anthropology research on malaria in pregnancy in Malawi, *Anthropology Matters Journal*, 11(1), 1-13.
- Aranda, J. F. (2007). Netiquette and online communication. *Journal of Instruction Delivery Systems*, 21(4), 11-14.
- Azlina Abdullah. (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad abad 21 di Malaysia. *Akademika*, 78, 3-14.
- Badran, Ibrahim G. (1995). Knowledge, attitude and practice the three pillars of excellence and wisdom: a place in the medical profession. *Eastern Mediterranean Health Journal*. 1(1), 8-16.
- Biesenbach-Lucas, S.(2007). Students writing emails to faculty: An examination of e-politeness among native and non-native speakers of English. *Language Learning and Technology*, 11(2), 59-81.
- Brown, S.A. (2014). Conceptualizing digital literacies and digital ethics for sustainability education. *International Journal of sustainability in Higher Education*, 15(3), 280-290
- Brusco, J. M. (2011). Know your netiquette. *AORN Journal*, 94(3), 279-286.
- Che Su & Nan Zakiah. (2014). Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*, 30,43-74.
- Deepa, S., & Ghatak, S.(2013). Netiquette: Exploratory study of actual usage and agreed upon norms in India. *Scholars word-irmjcr*, 1(3), 129-136.
- Eckman, K. & Walker, R. (2008). *Knowledge and Practise (KAP) Survey Summary Report for the Duluth Lakeside Stormwater Reduction Project*. Water Resources Center, University of Minnesota
- Faridah Che Husain & Fakhrul Adabi. (2011). Sukatan Pendidikan Akhlak dan Moral di Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran Malaysia: Satu Tinjauan Umum. *Al- Basirah*, 1,79-9
- Farshad Nia, S. & Ghatak, S. (2014). *Digital literacy and netiquette: Awareness and perception in EFL learning context*. Tesis Phd yang tidak diterbitkan, University of Groningen.
- Florence Martin, et.al. (2018). Middle school student's social media use. *Educational Technology & Society*, 21(1), 213-224.
- Gordon B. Willis & Anthony R. Artino JR. (2013). What do our respondent think we're asking? Using cognitive interviewing to improve medical education surveys. *Journal of Graduate Education*, 5(3), 353-356.DOI: 10.4300/JGME-D-13-00154.1
- Happer, C., & Philo, G. (2013). The role of the media in the construction of public belief and social Chang. *Journal of Social and Political Psychology*, 1(1), 321-336.
- Hazlin Falina, R., Wan Amizah, W.M., & Maizatul, H. (2016) Peranan media sebagai alat kesedaran sosial dalam kalangan orang kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 471-488.
- Harpreet Kaur, Parveen Mohan, Nayana Pathak, Apurv Manocha, Aayushi. (2014). Knowledge, Attitude, Practices and Behavior of Women towards Contraceptive Use - A Study of Women Attending North Indian Rural Hospital. *Indian Journal of Obstetrics and Gynecology Research*, 1(1),25-30

- Jaccard, J., Dittus, P.J., & Gordon, V.V. (1996). Maternal Correlates of Adolescent Sexual and Contraceptive Behavior. *Family Planning Perspectives*, 28(4), 159-165+185.
- James, M., Clovice, K., John, C.S., Stella, M., & Adrian, M. (2017). A framework for intergrating qualitative and quantitative data in knowledge, attitude, and practice studeis: A case study of pesticide usage in Eastern Uganda. *Frontiers in Public Health*, 5:318. doi: 10.3389/fpubh.2017.00318
- Johari Hassan & Raja Shahrina. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 23-43.
- John Mao. (2006). Knowledge, Attitude and Practice of Family Planning: A Study of Tezu Village, Manipur India. *The Internet Journal of Biological Anthropology*, 1(1), 1-6. digapai pada 16 April 2018 di <https://print.ispub.com/api/o/ispub-article/3999>.
- Kaliyaperumal, K., I.E.C, Expect, & Diabetic Retinopathy Peoject. (2004). Guideline for conducting a knowledge, attitude and practice (KAP) study. *AECS Illumination*, 4(1), 7-9.
- Karen Rav-Marathe, Thomos T.H. Wan, & Sam Marathe. (2016). A systematic review in the KAP-O Framework for diabetes education and research. *Medical Research Archives*, 4(1), 1-21
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Pendidikan Moral, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2*. Putrajaya :Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kohlberg, L. (1984). *Essays on Moral Development. Volume 2: The Psychology of Moral Development*. San Francisco CA, Harper & Row.
- Kollmuss, A., & Agyeman, J. (2002). Mind the gap: why do people act environmentally and what are the barriers to pro-environmental bahaviour?. *Environental Education Research*. 8(3), 239-260.
- Kozik, T. , & Slivova, J. (2014). Netiquette in elctronic communication. *International Journal of Engineering Pedagogy*, 4(3), 67-70.
- Kuss, D.J., Rooij, A.J., Shorter, G.W., Griffiths, M.D., & Mheen, D.V. (2013). Internet addiction in adolescents: Prevalence and risk factors. *Journal of Computers in Human Behavior*. 29, 2690-2696.
- Lind, G. (2013). *Thirty years of the Moral Judgment Test- Support for the Dual-Aspect Theory of Moral Development*. In: C.S. Hutz & L.K. de Souza, eds., *Estudos e pesquisas em psicologia do desenvolvimento e da personalidade: uma homenagem a Agela Biaggio*, pp. 143-170, Sao Paulo: Casa do Psicologo.
- Lind, G. (2000). The importance of role-taking opporunities for self-sustaining morala development. *Journal of Research in Education*, 10, 9-15.
- Lind, G. (2002). The meaning and measurement of moral judgment competence: A dual aspect model.
- Mahadevan Krishan. (2009). *Knowledge, Attitude and Willingness to Adopt Environmental Responsible Behaviours: A Survey Among Students of Universiti Sains Malaysia. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan* : Universiti Sains Malaysia.
- Martina Drazenovic. (May, 2014). Elementary school students using Facebook: A case study of crotian elementary school ban Josip Jelacic. *37<sup>th</sup> International Convention on Information and Communication Technology, Electronics and Microelectronics (MIPRO)*. Opatija, Croatia.
- Mas Suraya, Siti Hasmah & Bavitra. (Disember, 2014). Pengaruh Kepercayaan Diri Terhadap Moraliti dalam Kalangan Murid Tahun Lima. *Seminar Kebangsaan Intergriti Keluarga 2014*. Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah
- McKenna, K.Y.A & Bargh, J.A. (2009). Causes and Consequences of Social Interaction on the Internet: A Conceptual Framework. *Journal of Media Psychology*,. 1, 249-269.



- Merriam S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco; Jossey-Bass.
- Merriam-Webster's Learning Dictionary. (2016). *Etiquette*. Diambil pada 15 Ogos 2018 from : <https://www.learnersdictionary.com/search/etiquette>
- Mohamad Hafifi, J., Nurzali, I., & Darshan, S. (2017). Kempen Kesedaran Kesihatan Awam: Satu tinjauan literatur dari sudut penggunaan media dan komunikasi di Malaysia. *Malaysian Journal Of Communication*, 33(3), 1-20.
- Mohammad Aziz Shah, M.A., Irna, A.L., Wan Rosni, W.M., Siti Noratikah, A.R., & Juwita Sayang, A.R. (2013). Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian kes. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 93-103.
- Mohd Azul, M.S., Mohd Yusof, H.A., Ali Salman & Ahmad Sauffiyan, A.B. (2017). Kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan privasi melalui media sosial dalam kalangan belia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-15
- Mohd Azul Mohamad Salleh, Ali Salman & Nurul Madiha, M.I. (2015). Awareness towards the issue of surveillance in using Social Media applications. *Journal of social sciences and humanities*. 10(2), 217-229
- Mohd Dahlan & Ida Safinaz Mohd Kamil. (2010). Jenayah & Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran & Realiti Dunia Siber. *Kertas Kerja Persidangan*, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Hamdan, H.A. (2015). Peranan media massa memartabatkan intergriti nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 57-74.
- Mohd Helmi, M., & Kamaliah, Hj. S. (2013). Kempen Pencegahan H1N1: Kajian tentang Pengetahuan, Sikap dan Amalan Penduduk di Timur Laut Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Comunication*. 29(1), 127-140.
- Mohd Khairuddin & Mohamad Fauzi. (2014). Interaksi Sosial di Runag Maya: Kajian Kes Jaringan Sosial Melalui Laman Facebook di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 138-147
- Mohd Roslan. (2014). KPDKK tahan remaja 18 tahun muat turun muzik tanpa kebenaran. Diambil pada Ogos 5, 2018 daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140527/je\\_02/KPDKK-tahan-remaja-18-tahun-muat-turun-muzik-tanpa-kebenaran](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140527/je_02/KPDKK-tahan-remaja-18-tahun-muat-turun-muzik-tanpa-kebenaran).
- Mohd Zailani. (2012). Faktor-Faktor Penyumbang dalam Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9, 81-109.
- Muhammad Adnan, P., Siti Zobidah, O., Jusang Bolong & Akmar Hayati, A.G. (2017). Analisis keselamatan siber dari perspektif persekitaran sosial: Kajian terhadap pengguna internet di Lembah Klang. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 16-29.
- Norakmah Mat. (2011). 60,000 pelajar kita ketagih fb. Diambil pada 12 Ogos 2018 dari : [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/60\\_000pelajarkitaketagihFB/Article/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/60_000pelajarkitaketagihFB/Article/)
- Nor Azah & Che Zarrina. (2011). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Amalan. *Spiritual Journal of Il-Islamic and Arabic Education*, 3(1), 29-46.
- Norhayati & Suriati. (2015). Tindak Balas Pengguna Youtube Terhadap Kes Buli dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Sains Humanika*, 6(1), 9-17.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. (2009). *Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Mengandungi Segala Pindaan hingga 1 Januari 2009*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, di Bawah Kuasa Penyemakan Undang-Undang 1968.
- Romlah Ramli. (2016). Sejauhmana kebebasan dalam media sosial: Peradaban sosial dan privasi dalam sempadan keagamaan. *Journal of Techno Social*, 8(1), 102-111
- Rozinah Jamaludin. (2007). *Internat dalam pendidikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.



- Rulli Nasrullah, M.Si. (2014). *Teori dan Riset Media Siber (cybermedia)*. Indonesia: Prenamedia Group.
- Samad, N.R.A. (2014). Peranan media dalam melestarikan kasih sayang. diambil dari <http://eseminar.dbp.gov.my/wacanakeputeraansultan/kasihsayang.pdf> (3 Ogos 2018).
- Sathish Rao Appalanaidu. (2015). Pertimbangan Moral dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Disiplin; Penggunaan 'Sociomoral Reflection Measure-Short Form Objective' (SRM-SFO). *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 5(2),50-64.
- Scheuermann, L. & Taylor, G. (1997). "Netiquette". *Internet Research: Electronic Net-working Applications and Policy*,. 7(4), 269-273.
- Shahrulanuar, Ab. Aziz & Fakhrol Adabi. (2011). Pembangunan etika dan moral dalam kursus-kursus yang ditawarkan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM). *Journal of Human Capital Development*, 4(1), 1985-7012
- Siti Ezaleila Mustafa. (2013). Media Sosial di Malaysia dan Indonesia: Penggunaannya Sebagai Alat Komunikasi dan Jaringan Digital. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15(2)71-85.
- West, R. (2010). A student's guide to strengthening an online community. *TechTrends: Linking Research & Practice to improve Learning*, 54(5), 69-75.
- Winokur, Skinner. (1971). Skinner's theory of behavior: An examination of B. F. Skinner's contingencies of reinforcement: An theoretical analysis. *Journal of the Experimental Analysis of Behavior*, 15(2), 253-259. <https://doi.org/10.1901/jeab.1971.15-253>
- Yar, M. (2012). E-Crime 2.0: the criminological landscape of new social media. *Information & Communications Technology Law*, 21(3), 207-219.
- Yarmohammadian. M. H., Iravani, H., & Abzari, M. (2012). Information and communication technology, culture, and medical universities; organizational culture and netiquette among academic staff. *Journal of Education and Health Promotion*, 1, 1-6.
- Y.M. Arouri & D.A. Hamaidi. (2017). Undergraduate student's perspectives of the extent of practicing netiquettes in a Jordanian Southern University. *International Journal Of Emerging Technologies in Learning*, 12(3), 84-97.